

03/12/1997

Kelab kart wargakota giat tarik ahli

SETIAUSAHA Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil akan melancarkan gerakan pendaftaran keahlian Kelab Kart Wargakota Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jinjang, Ahad ini.

Sempena majlis itu, lima pelumba remaja akan memperlihatkan kebolehan di litar go-kart kelab itu.

Orang ramai yang berminat akan diberi peluang mencuba pandu go-kart pada hari berkenaan.

Kelab Kart Wargakota Kuala Lumpur ditubuhkan baru-baru ini, sebagai usaha menyediakan kemudahan rekreasi, terutama bagi acara lebih mencabar seperti go-kart.

Presidennya, Datuk Rizuan Abdul Hamid, berkata penubuhan kelab bertujuan menyediakan rekreasi membabitkan seluruh ahli keluarga.

Katanya, usaha itu diharap bukan saja dapat merapatkan hubungan di kalangan keluarga, malah mengatasi masalah lepak di kalangan remaja sekarang.

"Selaras dengan matlamat ini, Kelab Kart Wargakota Kuala Lumpur menyediakan kemudahan untuk dua golongan iaitu remaja dan dewasa. Bagi remaja, kelab menyediakan kereta jenis kadet bersaiz lebih kecil," katanya.

Rizuan berkata penubuhan kelab berkenaan juga selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu negara ini melahirkan jaguh Formula Satu (F1).

Selaras itu, katanya, penubuhan Kelab Kart Wargakota Kuala Lumpur boleh dianggap sebagai langkah awal ke arah melahirkan peserta muda berbakat dan seterusnya menyertai perlumbaan di peringkat antarabangsa.

(END)